

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN WONG SHU QI (KLUANG)

SOALAN

PUAN WONG SHU QI [KLUANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik berkenaan Pas Penggajian (jenis i, ii, dan iii), Pas Lawatan Kerja Sementara serta Pas Lawatan Ikhtisas seperti berikut :-

(a) jumlah permohonan setiap tahun sejak tahun 2013 hingga 2019 dan jumlah permohonan yang diluluskan setiap tahun sejak tahun 2013 hingga 2019; dan

(b) rancangan Kerajaan Persekutuan untuk menilai semula kuota yang ditetapkan bagi setiap jenis pas tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah meluluskan 112,729 pas pelbagai kategori iaitu Pas Penggajian (Jenis I, II dan III), Pas Lawatan Kerja Sementara dan Pas Lawatan Ikhtisas daripada jumlah keseluruhan permohonan sebanyak 117,829 pada tahun 2013 sehingga 2019.

Sebarang cadangan untuk mengkaji dasar pemberian pas pelbagai kategori yang dikeluarkan oleh JIM perlu diteliti dan dipertimbangkan dengan berhati-hati tertakluk kepada peruntukan undang-undang sedia ada.